

22/03/2001

Fadzil Noor harus telan ubat pahit

TIDAK cukup dengan tiga prasyarat untuk merealisasikan perbincangan dengan Umno yang sekian lama tertangguh, Presiden Pas, Datuk Fadzil Noor, turut meminta media tempatan agar jangan terus menghentam parti itu. Mungkin suasana kondusif yang dituntut oleh Pas untuk pertemuan itu dilangsungkan, turut mencakupi peranan media arus perdana yang selama ini mereka gambarkan sebagai dikuasai kerajaan sepenuhnya. Fadzil mahu media mencontohi pengalaman 1974 ketika Perdana Menteri, Tun Abdul Razak Hussein, mengadakan rundingan dengan Presiden Pas, Datuk Asri Muda. Ketika itu, media tempatan dikatakan berhenti menghentam Pas selama hampir enam bulan. Desakan agar Umno dan Pas berhenti menyelar sesama sendiri sebelum ini turut dibuat oleh Fadzil tetapi beliaulah yang pertama mencabulinya.

Jika itulah syarat terbaru Pas sebagai tambahan kepada prasyarat sedia ada, ia tidak pun menghairankan. Ia sudah menjadi sebahagian daripada permainan parti berkenaan asalkan perbincangan yang diilhamkan Presiden Umno Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad itu dapat terus digagalkan. Sebelum ini pun, Pas menuntut agenda khusus perbincangan ditetapkan. Apabila Dr Mahathir menggariskan empat perkara bersabit hak dan keistimewaan Melayu sebagaimana termaktub dalam Perlembagaan sebagai agenda, Pas berbalik kepada tiga prasyaratnya yang perlu lebih dahulu dipenuhi. Tiada langsung kompromi. Sebagaimana pengakuan Fadzil sendiri bahawa pertemuan itu hampir mustahil diadakan, ia adalah kerana Pas pimpinannya banyak berhelah.

Kita boleh mengandaikan reaksi pemimpin Pas berikutan hujah Menteri Besar Kelantan, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat, bahawa parti itu tidak boleh memberi jaminan dan tempat kepada seseorang masuk syurga. Resah adalah perkara pasti di samping tidak kurang yang akan mempertikaikan keperluan hujah sedemikian dibuat pada waktu ini. Sesudah sekian lama menabur janji sedemikian untuk memancing undi, tidak hairanlah kenyataan itu gagal disahut oleh pemimpin Pas selebihnya. Kenapa Timbalan Presiden Pas, Abdul Hadi Awang, membisu jika apa yang diperkatakan Nik Aziz itu tidak benar. Malah, sehingga kini pun, 'Amanat Haji Hadi' yang turut mengkafirkan Umno, belum ditarik balik dengan alasan ia tidak lagi perlu setelah tokoh yang dahulunya kuat memperjuangkan fahaman berkenaan kini sudah menyertai Umno.

Daripada kenyataan Nik Aziz itu, ketaksuban penyokong Pas selama ini dalam mempercayai parti itu sebagai jaminan ke syurga jelas tidak bertempat. Kepercayaan mereka sudah diselewengkan oleh pemimpin Pas melalui rasuah moral sebagai pertukaran terhadap sokongan dan undi. Sedangkan apa yang dijanjikan Pas bukan sesuatu yang parti itu sendiri boleh berasa pasti. Anehnya, parti itu tidak jemu-jemu berkempen mengenai balasan syurga serta menyelar media tempatan pada ketika lidah rasminya, Harakah serta berbagai laman webnya tidak pernah berhenti daripada mencaci dan memburuk-burukkan kerajaan. Kini, daripada hanya dua kali sebulan, akhbar itu menuntut hak diterbitkan dua kali seminggu semula agar cercaan dapat dimuatkan dengan lebih banyak dan kerap. Daripada Fadzil menyalahkan tekanan perasaan yang dialami Pas gara-gara serangan bertalu-talu media tempatan, ada baiknya beliau mengakui bahawa ia adalah ubat pahit yang harus mereka telan.

(END)